



PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017  
ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS



3755/2

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017  
PERDAGANGAN**

Kertas 2  
Ogos  
2 jam

---

**PERDAGANGAN**

Kertas 2

Dua jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas tulis yang disediakan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

**Bahagian A**

[ 75 markah ]

Jawab mana-mana *tiga* soalan


1 (a) Situasi berikut berkaitan dengan dua buah rumah yang dibeli oleh Encik Asrul.

Situasi	Penerangan
I	Pada tahun 2005 Encik Asrul membeli rumah pertamanya bernilai RM150 000. Rumah ini didiami oleh keluarganya seramai 6 orang.
II	Pada tahun 2016 Encik Asrul membeli lagi sebuah rumah bernilai RM250 000. Rumah ini telah dijadikan rumah penginapan (Homestay).

Situasi manakah merupakan keperluan bagi Encik Asrul?  
Berikan alasan anda.

[ 5 markah ]

(b) Rajah 1 menunjukkan cabang pengeluaran.



Rajah 1

(i) Jelaskan **R**

[ 4 markah ]

(ii) Terangkan **tiga** faktor pengeluaran yang digunakan dalam cabang pengeluaran **S**.

[ 6 markah ]

[ Lihat halaman sebelah  
SULIT

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pengkhususan yang berlaku antara dua buah negara.

Negara	Keluaran
Malaysia	Minyak sawit
Jepun	Automotif

Wajarkah kedua-dua negara itu mengamalkan pengkhususan tersebut?

Berikan alasan anda.

[ 5 markah ]

- (d) Encik Fatah ialah pengeluar daging burger di Kuala Lumpur. Beliau membuat sasaran untuk memperoleh untung sebanyak RM10 juta setahun melalui pasaran dalam negara dan di negara komunti ASEAN.

Jelaskan ciri-ciri usahawan yang perlu ada pada Encik Fatah untuk mencapai sasaran untung tersebut.

[ 5 markah ]

- 2 (a) Gambar 2 menunjukkan aktiviti pengeluaran dan perdagangan di ladang sayur.



Gambar 2

Jelaskan perkaitan unsur perdagangan dengan aktiviti pengeluaran seperti di Gambar 2.

[ 7 markah ]

- (b) Jelaskan dokumen perniagaan dalam negeri berikut:

(i) Nota Serahan

[ 3 markah ]

(ii) Resit

[ 3 markah ]

(c) Gambar 3 menunjukkan dua jenis perniagaan.



Gambar 3

- (i) Bandingkan antara Perniagaan A dengan Perniagaan B. [ 7 markah ]
- (ii) Jelaskan kesan kewujudan Perniagaan A kepada Perniagaan B. [ 5 markah ]

3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan antarabangsa.

Penduduk di Malaysia memilih negara China sebagai destinasi utama pelancongan.

- (i) Jelaskan aktiviti perniagaan antarabangsa tersebut. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan faktor yang menyebabkan berlakunya aktiviti perniagaan di 3 (a) (i). [ 4 markah ]

(b) Terangkan sumbangan industri kecil dan sederhana kepada masyarakat. [ 6 markah ]

(c) Situasi berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.

Cik Yana ialah pemilik Pusat Penjagaan Kanak-kanak Yana di Kangar. Oleh kerana terdapat sambutan yang baik daripada penduduk setempat, beliau bercadang untuk menukarkan pemilikan perniagaan sedia ada kepada pemilikan perniagaan baharu yang dapat menampung keperluan modal dan tenaga pengajar tanpa perlu menggaji pekerja.

Cadangkan jenis pemilikan perniagaan baharu yang sesuai untuk CikYana.

Kemukakan alasan anda. [ 5 markah ]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pelaburan yang dibuat oleh Encik Razak.

Jenis Pelaburan	Amanah Saham Bumiputera
Tarikh Pelaburan	1 Januari 2016
Jumlah Pelaburan	100 000 unit pada nilai tara RM1.00 seunit
Kadar Dividen 2016	8 %
Bonus 2016	2 %

- (i) Hitungkan jumlah pendapatan yang diperoleh Encik Razak pada tahun 2016. [ 4 markah ]
- (ii) Jelaskan kelebihan pelaburan ini kepada Encik Razak. [ 4 markah ]
- 4 (a) Jelaskan kemudahan pembayaran di bank perdagangan yang sesuai digunakan bagi setiap situasi berikut:
- (i) Syarikat Bakti berasa tidak selamat membayar gaji secara tunai kepada 50 orang pekerjanya. [ 3 markah ]
- (ii) Puan Hidayah dikenakan caj kerana lewat menjelaskan bayaran hutang kad kredit setiap bulan. [ 4 markah ]
- (b) Maklumat yang berikut berkaitan dengan kaedah pembayaran menggunakan cek.

Puan Rohaya, seorang perancit membuat bayaran sebanyak RM10 000 kepada Pemborong Mili. Beliau mengeluarkan cek pada 23 Julai 2017. Beliau mempunyai akaun semasa di Bank E & F Berhad cawangan Kangar Perlis. Pemborong Mili meminta supaya cek berkenaan dipalang.

Lakarkan cek tersebut. [ 6 markah ]

- (c) Jelaskan prinsip insurans berikut:
- (i) Kepentingan boleh dinsuranskan [ 3 markah ]
- (ii) Doktrin sebab hampiran [ 3 markah ]
- (d) Perbualan berikut berkaitan dengan jenis perkhidmatan telekomunikasi.

Abas : Seronoknya telefon baharu awak tu. Macam-macam kemudahan ada. Apakah kelebihanannya?

Amin : Inilah telefon pintar. Banyak aplikasi baharu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi boleh digunakan untuk memudahkan urusan.

Jelaskan aplikasi baharu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi yang dimaksudkan oleh Amin. [ 6 markah ]

- 5 (a) Gambar 4 menunjukkan sebuah agensi kerajaan yang terlibat dengan pengangkutan jalan raya.



Gambar 4

Jelaskan peranan agensi tersebut. [ 3 markah ]

- (b) Mengapakah pengimport di negara Thailand menggunakan pengkontenaan untuk menghantar daging ayam yang siap diproses ke negara Singapura? [ 5 markah ]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gudang.

Encik Wong tidak mempunyai wang yang cukup untuk mengambil 5 buah kereta Porsche yang dimport dari negara Jerman. Kereta itu akan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 10 Ogos 2017. Oleh itu beliau bercadang untuk menyimpan kereta tersebut di dalam gudang.

- (i) Apakah jenis gudang yang boleh digunakan oleh Encik Wong? [ 1 markah ]

- (ii) Bagaimanakah gudang di 5 (c) (i) dapat membantu Encik Wong? [ 5 markah ]

- (d) Perbualan berikut berkaitan dengan sejenis promosi.

Juru jual : Cik, kedai kami sedang mengadakan promosi. Cik boleh mendapat diskaun 50% untuk pembelian kedua bagi semua produk di kedai kami .

Pembeli : Betulkah? Ini amat menguntungkan.

- (i) Huraikan jenis promosi tersebut. [ 3 markah ]

- (ii) Jelaskan kesan jenis promosi di 5 (d) (i) kepada peniaga. [ 3 markah ]

- (e) Situasi berikut berkaitan dengan tanggungjawab pengeluar.

Pembalakan haram yang berleluasa menyebabkan berlakunya fenomena alam yang memberi kesan kepada kehidupan sejagat.

Jelaskan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh pengeluar untuk mengatasi masalah tersebut.

[ 5 markah ]





**BAHAGIAN B**

[ 25 markah ]

Soalan ini *wajib* dijawab

6. Encik Masri ialah pemilik perniagaan Laksa House "Enaknya Laksaku" di Kuala Perlis. Laksanya dijual kepada penduduk setempat dan pelancong luar yang datang bercuti di Perlis dan Pulau Langkawi. Terdapat juga pelanggan yang membuat tempahan laksa dalam kuantiti yang banyak untuk majlis jamuan. Oleh itu, beliau berhasrat untuk mengembangkan perniagaan untuk pasaran kebangsaan. Bagi merealisasikan hasrat ini beliau telah mengikuti kursus keusahawanan yang dianjurkan oleh MARA. Setelah kembali dari kursus, beliau mendapati ada dua pilihan untuk mengembangkan perniagaan iaitu seperti berikut:

	
<b>Pilihan A</b>	<b>Pilihan B</b>
Kiosk	Truk Makanan (Karavan)
Lokasi : Putrajaya	Lokasi : Bergerak
Sewa Bulanan : RM1900.00	Ansuran Bulanan Karavan : RM1200.00
Bimbingan : Sendiri	Bimbingan : MARA
Kos Insurans : RM 1 500.00 setahun	Kos Insurans : RM4 000.00 setahun

Disamping berusaha mengembangkan perniagaan, Encik Masri tetap menguruskan perniagaan sedia ada kerana sambutan penduduk setempat yang baik. Baru-baru ini sebuah kedai baharu yang menjual laksa beroperasi di Kuala Perlis. Hal ini menyebabkan pelanggannya telah merosot. Beliau telah membuat soal selidik berkaitan pengurusan pelanggan untuk mencari punca kemerosotan pelanggan di kedainya. Hasil soal selidik ke atas 50 orang responden ialah seperti berikut:

Aspek	Maklum Balas (Responden)	
	Baik	Kurang Memuaskan
Layanan	20	30
Kualiti Makanan dan Minuman	35	15
Kebersihan	25	25

Encik Masri memberitahu dapatan soal selidik itu kepada isteri dan pekerjaannya bagi menyelesaikan masalah ketidakpuasan pelanggan mereka. Ketika sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah ini, Encik Masri telah menerima tawaran dari Stesen Televisyen TMQ1 untuk mengadakan penggambaran Rancangan Jom Cari Makan di kedainya. Beliau enggan menerima kerana khuatir sesi penggambaran ini akan menyebabkan kesesakan di kedai dan usaha untuk menambat semula hati pelanggan tidak dapat dibuat. Namun isterinya mahu menerima tawaran tersebut.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut :

- (a) Mengapakah Encik Masri ingin menembusi pasaran kebangsaan? [ 4 markah ]
- (b) Pilihan manakah yang paling baik untuk Encik Masri mengembangkan perniagaannya?  
Berikan alasan anda. [ 6 markah ]
- (c) Terangkan polisi insurans yang perlu diambil oleh Encik Masri berdasarkan pilihan anda di 6. (b). [ 6 markah ]
- (d) Jelaskan pengurusan pelanggan yang perlu dilakukan oleh Laksa House "Enaknya Laksaku" berdasarkan maklum balas responden. [ 5 markah ]
- (e) Adakah anda bersetuju dengan isteri Encik Masri untuk menerima tawaran Stesen Televisyen TMQ1?  
Berikan alasan anda [ 4 markah ]

### **KERTAS SOALAN TAMAT**